



**Pendidikan & Latihan**

# Latih guru berijazah

■ Program PPG di AeU tingkat pendidikan guru daripada sijil, diploma ke bachelor

Oleh Rosyahaida Abdullah  
rosyahaida@mediapri-  
ma.commy

**B**agi memastikan guru dalam kalangan bu-  
kan siswazah men-  
dapat peluang peningkatan  
kerjaya yang sama seperti  
guru siswazah, Bahagian  
Pendidikan Guru Kement-  
erian Pelajaran dan Pengajian  
Tinggi Malaysia mengambil  
inisiatif mewujudkan Pro-  
gram Pensiswazahan Guru  
(PPG) dengan matlamat me-  
ningkatkan tahap pendid-  
ikan guru daripada sijil dan  
diploma kepada Ijazah Sar-  
jana Muda.

Program yang mula direa-

lisasikan pada 2011 menyak-  
sikan kumpulan pertama se-  
ramai 93 guru memilih  
untuk menyambung  
pengajian di Asia e  
University (AeU)  
dan memulakan  
pengajian pada  
Mac tahun sa-  
ma.

Selepas tiga sesi  
pengambilan, AeU  
kini melatih hampir  
2,000 guru dan kumpu-  
lan pertama dijangka me-  
namatkan pengajian pada  
Ogos tahun depan.

Sebagai universiti yang  
membawa aspirasi Pendid-  
ikan Diperibadikan, AeU me-  
ngaplikasikan mod Peme-

lajaran Teradun yang me-  
rupakan kaedah pembelaja-  
ran melalui tiga cara iaitu  
pembelajaran sendiri,  
pembelajaran  
langsung dalam  
talian dan penga-  
jian bersemuka.

Menurut De-  
kan Sekolah Pen-  
didikan dan Sains  
Kognitif AeU Prof Dr  
John Arul Philips, pe-  
ningkatan jumlah guru  
yang memilih untuk belajar  
di AeU membuktikan flek-  
sibiliti sesi pembelajaran  
yang ditawarkan universiti  
itu serta kemahiran prak-  
tikal seperti dikehendaki se-  
tiap guru.

**FAKTA**  
AeU setakat  
ini sudah  
melatih hampir  
2,000 guru

"Guru yang sedang ber-  
khidmat ini tidak perlu me-  
ngambil cuti untuk me-  
nyambung pengajian kerana  
kuliah diadakan dua kali se-  
bulan pada hujung minggu,"  
katanya.

Beliau berkata, bahan  
pembelajaran juga boleh di-  
muat naik lebih awal dan di-  
akses pada bila-bila masa  
mengikut kesesuaian guru  
melalui laman web khas di-  
namakan Ruang Pembelaja-  
ran Peribadi (PLS).

Melalui PLS, guru boleh  
mengadakan perbincangan  
sesama mereka mahupun  
bersama fasilitator akademik  
secara dalam talian.

Guru juga diberi ruang  
mengajukan kemusykilan  
melalui pertemuan secara  
bersemuka dengan fasilitator  
akademik yang diadakan se-  
lama 10 jam sepanjang se-



SEBAHAGIAN guru yang mengikuti pengajian di AeU.

mester pengajian.

Keberkesanan Kaedah  
Pembelajaran Teradun diakui  
sendiri Alvin Chee Che Wei,  
35, yang juga guru Bahasa  
Inggeris dan Matematik di  
Sekolah Jenis Kebangsaan Ci-  
na Yuk Chih, Bestari Jaya, Se-  
langor.

Chee berkata, kaedah pe-  
ngajian teradun menepati ke-  
hendak guru kerana ia flek-  
sibel dan praktikal.

"Kaedah Pengajian Ter-  
adun memberi ruang yang

cukup untuk guru seperti sa-  
ya bersedia sebelum mema-  
suki kelas atau menghadapi  
peperiksaan.

"Ilmu ini benar-benar di  
hujung jari anda dan fasili-  
tator bertauliah yang ada me-  
lengkapkan sesi pembelaja-  
ran kami," katanya yang su-  
dah 13 tahun bergelar guru.

Untuk maklumat lanjut  
berkenaan AeU, lawati  
www.aeu.edu.my atau hupu-  
ngi talian bebas tol  
1-300-300-238.